

26 MAR 2001

Khalil-Pas

UMNO TERIMA CADANGAN PAS TAMBAH ANGGOTA UNTUK MESYUARAT TEKNIKAL

KOTA KINABALU, 26 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata Umno bersetuju menerima cadangan Pas untuk menambah dua lagi anggota bagi mewakili parti masing-masing pada mesyuarat peringkat jawatankuasa teknikal yang dijadualkan esok.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata Umno sudah mengenal pasti dua anggota tambahan, menjadikan enam kesemuanya wakil parti itu ke mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti itu berperanan menentukan agenda menjelang pertemuan ketua pemimpin kedua-dua parti khusus bagi membincangkan isu penyatuan orang Melayu di negara ini.

"Pas telahpun mengesahkan kesediaannya untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa teknikal esok dan kita harap ia akan diadakan seperti yang dijadualkan," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, petang tadi.

Ditanya sama ada Umno yakin mesyuarat itu akan membuahkan hasil beliau berkata: "Saya tak nak buat ramalan kerana kita belum berjumpa lagi..lagipun ini hanya di peringkat teknikal sahaja..apa yang kita bincang kita akan bawa ke pihak atasan masing-masing".

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin parti Umno, Pas dan Parti Angkatan Keadilan Nasional (Keadilan) mengadakan perjumpaan bagi membincangkan penyatuan orang Melayu. Bagaimanapun, Keadilan menolak cadangan itu.

"Sebenarnya, tidak ada masalah di peringkat jawatankuasa teknikal. Bagi Umno, lagi cepat...lagi baik untuk kedua-dua pihak.

"Pas boleh bawa apa juga perkara yang mereka nak...kita sedia untuk berbincang," katanya.

Khalil berharap mesyuarat yang diadakan itu akan membuahkan hasil demi perpaduan kaum Melayu di negara ini.

Ditanya sama ada Umno pusat akan mengambil tindakan terhadap anggotanya sekiranya terbabit dengan tindakan mahkamah untuk mencabar kesahihan pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru: "Kita tunggu laporan daripada Badan Perhubungan Umno negeri sebelum mengambil tindakan".

Minggu lepas, tiga ahli perniagaan -- Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang mengemukakan permohonan injunksi di Mahkamah Tinggi di sini bagi menghalang Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai daripada melantik Chong sebagai Ketua Menteri baru.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi menolak permohonan itu dengan alasan bahawa plaintif tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk memohon injunksi terhadap kerajaan negeri.

-- BERNAMA

NT ZB